

Jenis Akhbar : *Harian Ekspres (KK)*

Tarikh : *31/07/2023*

Edisi / Muka Surat : *Nasional (02)*

Tajuk : *Koperasi Bantu Kukuh Keterjaminan Bekalan Makanan Negara – Ewon*

Koperasi bantu kukuh keterjaminan bekalan makanan negara – Ewon

KOTA KINABALU: Sebanyak 172 koperasi terlibat dalam sektor agromakanan mampu memainkan peranan untuk membantu mengukuhkan keterjaminan bekalan makanan negara, kata Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedick.

Beliau berkata koperasi yang terlibat dalam agromakanan itu meliputi aktiviti pertanian, penternakan, perikanan dan pembekalan input pertanian dan ternakan.

“Gerakan koperasi telah diberi tanggungjawab untuk membantu memperkukuhkan keterjaminan bekalan makanan negara melalui penglibatan koperasi dalam sektor agromakanan,” katanya ketika berucap pada Majlis Penutupan Bulan Koperasi Kebangsaan 2023 di sini, Ahad.

Majlis penutupan itu disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Ser Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Katanya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah menyediakan pembiayaan modal pusingan agromakanan dengan peruntukan RM100 juta dan geran bantuan pembangunan sehingga RM300,000 kepada koperasi yang berkelayakan.

“Kuskop melalui SKM juga telah melaksanakan program Jualan Madani Koperasi (JMK) yang menawarkan penjimatan harga barangan sehingga 20 peratus daripada harga pasaran,” katanya.

Ewon berkata bagi membantu kerajaan menangani kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat, Kuskop melalui SKM telah menjenamakan semula kedai-kedai koperasi di seluruh negara secara berperingkat di bawah satu nama iaitu CoopMart.

“Langkah itu bagi menyeragamkan model perniagaan mereka dan sehingga kini sebanyak 2,581 kedai runcit koperasi berjenama CoopMart telah beroperasi di seluruh negara,” katanya.

Sementara itu ketika berucap di Sidang Kemuncak Koperasi Belia Asia Pasifik di sini hari ini, Ewon berkata penglibatan belia dalam sektor koperasi adalah penting untuk memperkasakan gerakan itu.

Beliau berkata Dasar Keusahawanan 2023 dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025, yang merupakan dasar baharu Kuskop telah merangkumkan matlamat-matlamat bagi menggalakkan golongan muda untuk melibatkan diri dalam sektor koperasi.

Kuskop dan semua agensinya telah melaksanakan pelbagai program termasuk ekskursi lapangan, pameran, bengkel dan seminar untuk memperkuatkan dan memperkasakan pembangunan koperasi di dalam negara.

Ewon berkata sidang kemuncak ini satu daripada platform terbaik untuk menarik belia berkongsi pengalaman mereka dalam menubuhkan koperasi dan memupuk satu budaya kerjasama menerusi koperasi. – Bernama